

06 SEP 2002

Mahathir-IAP (Bergambar)/I

MSC BERGERAK LANCAR, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) bergerak dengan lancar dengan banyak kemajuan dicapai dalam tempoh setahun yang lalu.

Dr Mahathir berkata kemajuan juga telah dibuat dalam bidang yang pernah dianggap mustahil seperti bidang bioteknologi.

Kejayaan jelas terbukti menerusi langkah syarikat-syarikat tempatan dan bertaraf dunia yang beroperasi di Cyberjaya, pusat inisiatif MSC, katanya pada sidang media selepas mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP), di sini.

Malaysia dan MSC telah mendapat banyak manfaat daripada mesyuarat-mesyuarat MSC-IAP yang diadakan sejak 1997, katanya.

"Dalam tempoh setahun lalu, banyak kemajuan dicapai oleh MSC seperti yang boleh dilihat daripada bilangan bangunan dan syarikat yang berpindah ke Cyberjaya.

"Perlu saya katakan bahawa sehingga setakat ini, pembangunan lancar MSC adalah hasil sumbangan anggota-anggota IAP," katanya.

MSC meliputi kawasan seluas 750 kilometer persegi ke selatan Kuala Lumpur yang dijadikan pusat pembangunan perkhidmatan dan produk multimedia.

Kini terdapat 745 buah syarikat berstatus MSC. Bilangan syarikat tempatan yang mendapat status itu ialah 495 dan MSC juga telah menarik sebanyak 53 buah syarikat bertaraf dunia.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak kekurangan tenaga berbakat untuk bekerja di MSC, malah MSC telah menceburi bidang seperti bioteknologi dengan menggunakan pakar tempatan.

"Sebuah syarikat sedang menjalankan kajian sel `stem' dan sudah menemui aplikasi sel `stem' bagi rawatan HIV dan Thalassaemia.

"Mereka tidak akan mengklon manusia. Tetapi kita menerokai kemungkinan menghasilkan organ bagi tujuan pemindahan...perkara seperti ini amat menarik," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak jauh ketinggalan dengan negara-negara maju dalam bidang kajian bioteknologi dan MSC telah memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Saya jangkakan pada masa depan akan muncul lagi idea baru yang memacu Malaysia ke arah mencapai matlamat mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan," katanya.

Dr Mahathir berkata MSC telah melahirkan tenaga tempatan yang mampu menghasilkan animasi 3D dan aplikasi baru IT untuk kegunaan kerajaan dan perniagaan kecil.

"Ia nampak nyata sehingga saya sangka kerusi bergerak tetapi sebenarnya gambar yang bergerak," kata Dr Mahathir merujuk kepada lawatannya ke Pusat Realiti Maya MSC pagi tadi.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkaji semua sistem alternatif termasuk sistem sumber terbuka untuk melihat yang mana akan memberi manfaat kepada negara dalam tempoh jangka panjang.

"Kita perlu menilai semua sistem alternatif yang boleh membantu kita dan (pilih) yang mengurangkan kos dan memberi banyak kelebihan. Kita sedia menguji mana-mana sistem," katanya semasa ditanya sama ada kerajaan akan melaksanakan sistem sumber terbuka yang membenarkan akses kepada kod sumber.

Menerusi sistem sumber terbuka, seseorang pengaturcara boleh membaca,

memindahsemula dan mengubahsuai kod sumber perisian.

Mengenai cadangan pengarah urusan Cutler & Company, Dr Terry Cutler, seorang anggota IAP, supaya nama IAP diubah kepada Panel Kerjasama Antarabangsa kerana begitu banyak kerjasama terjalin di kalangan anggota, Dr Mahathir berkata: "Kita akan mengkaji kemungkinan itu."

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata corak pemikiran generasi muda terhadap teknologi maklumat telah banyak berubah.

Dr Mahathir sementara itu berkata anggota-anggota IAP telah banyak menyumbang kepada perkembangan MSC dengan memberikan banyak pandangan dan cadangan membina.

"Dengan datang ke sini, mereka sedar bahawa ini bukan satu mimpi kosong tetapi sesuatu yang serius dan mereka rela menyumbang untuk menjadikan MSC satu kenyataan. Sudah tentu idea yang mereka beri seperti bagaimana untuk bergerak, siapakah yang perlu dilatih...semua ini adalah hasil mendengar pandangan mereka," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya bagaimanapun beliau ingin menyumbang kepada pembangunan MSC dan sama ada akan kekal mempengerusikan IAP selepas bersara pada Oktober 2003.

"Saya berpendapat tak perlulah jadi pengerusi... (tetapi) jika dibenarkan, saya ingin mendengar perbincangan yang diadakan dan jika boleh, saya mahu juga memberikan pandangan-pandangan," tambahnya.

-- BERNAMA

RV RZS JK MOZ